



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TELITI SEMULA
CADANGAN PENUBUHAN SURUHANJAYA KEHARMONIAN
NASIONAL**

Kementerian Perpaduan Negara menyambut baik cadangan oleh Tan Sri Lee Lam Thye berhubung penubuhan Suruhanjaya Keharmonian Nasional sebagai sebuah badan berkanun bebas bagi melindungi serta memperkukuh keharmonian antara etnik dan antara agama di negara ini.

Untuk makluman, pada tahun 2015, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah menyediakan tiga (3) draf Rang Undang-Undang (RUU), iaitu:

- **RUU Jenayah Kebencian Kaum dan Agama**
- **RUU Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional**
- **RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (SKRN)**

Pada tahun 2019:

- RUU Jenayah Kebencian Kaum dan Agama telah **ditolak** kerana terdapat pertindihan dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Cadangan peruntukan berkaitan disyorkan untuk dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan.
- RUU Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional juga **ditolak** kerana prinsip larangan diskriminasi telah pun termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara.

Manakala cadangan penubuhan SKRN telah **dipersetujui pada dasarnya pada tahun 2019**, namun pelaksanaannya tertangguh berikutan isu pertindihan bidang kuasa dengan agensi sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Seterusnya, pada April 2020, kerajaan telah memutuskan bahawa cadangan tersebut tidak diteruskan.

Namun demikian, mengambil kira perkembangan semasa serta peningkatan polemik berkaitan perpaduan yang menggugat keharmonian masyarakat sejak kebelakangan ini, **Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan menggerakkan semula usaha ke**

arah menggubal RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (SKRN).

Cadangan penubuhan SKRN yang baharu ini akan memberi penekanan kepada pendekatan pencegahan dan pendamaian. Pendekatan ini tidak hanya bersifat menghukum semata-mata, sebaliknya lebih menumpukan kepada usaha pencegahan awal, mediasi serta penyelesaian secara harmoni dan konstruktif. Ini juga selaras dengan amalan terbaik antarabangsa seperti *Maintenance of Religious Harmony Act (MHRA)* yang dilaksanakan di Singapura. Pendekatan ini turut mengambil inspirasi daripada *Australian Human Rights Commission (AHRC)* di Australia yang mempunyai unit khusus memfokuskan kepada kohesi sosial melalui pemantauan insiden perkauman, pembinaan perkongsian strategik antara pemegang taruh, serta pendidikan masyarakat dalam menangani diskriminasi melalui pendekatan bukan perundangan seperti mediasi dan advokasi. Selain itu, model *National Peace and Reconciliation Commission (NPRC)* di Zimbabwe turut memperlihatkan aspek pengesanan awal kawasan berpotensi konflik, pelaksanaan mediasi antara komuniti, serta pembangunan program pencegahan bagi mengelakkan pertikaian berulang pada masa hadapan.

Kementerian akan meneliti agar Suruhanjaya ini berupaya menjalankan siasatan terhadap isu yang menjejaskan keharmonian, memanggil pihak berkaitan untuk memberi keterangan, serta mengeluarkan syor tindakan dan langkah pencegahan kepada kerajaan dan agensi berkaitan. Selain itu, Suruhanjaya ini juga dijangka berperanan mengendalikankan proses mediasi secara rasmi dan menerbitkan laporan awam, tertakluk kepada had tertentu demi kepentingan keselamatan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memulakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak bermula awal April. Sesi ini akan diteruskan secara inklusif dengan penglibatan agensi kerajaan, agensi penguatkuasaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik, komuniti setempat serta pemegang taruh berkaitan.

MENTERI PERPADUAN NEGARA

7 APRIL 2026

KPN.100-9/1/16 (26)

